




**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 13/ 1976**

*Daftar Permohonan-permohonan Pembahagian  
Harta Pusaka Kecil*

Pekeling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah berkenaan dengan penyelenggaraan daftar permohonan pembahagian harta pusaka kecil.

2. Adalah didapati bahawa daftar permohonan pembahagian harta pusaka kecil disediakan di kebanyakkan Pejabat Tanah dengan menggunakan buku ( borang dicetak No. Am 297 Pin 1/69) seperti di lampiran 'A'. Dalam penggunaan daftar tersebut adalah perlu tiap-tiap ruangannya dipenuhi sebagaimana yang dikehendaki oleh tajuk di ruangan itu. Adalah tidak wajar jika ruangan-ruangan itu diguna untuk mencatatkan butir-butir mengenai sesuatu perintah. Ruangan bertajuk ' Perintah yang dikeluarkan dan Nilaian Harta Pusaka ' hendaklah mengandungi hanya jenis perintah, iaitu, pembahagian atau pemberian surat mentadbir pusaka dan jumlah nilaiannya pusaka itu. Butir-butir lain mengenai perintah adalah tidak perlu dicatatkan sebab ianya telahpun dicatatkan dalam buku penyiasatan dan di dalam fail permohonan.

3. Pemungut-pemungut adalah dengan ini dinasihatkan supaya memberhentikan amalan mencatatkan butir-butir perintah yang dibuat di bawah sekyen 13 Akta ( Pembahagian ) Harta Pusaka Kecil, 1955 dengan sepenuhnya ke dalam daftar permohonan untuk pembahagian harta pusaka kecil dan seterusnya menyelenggarakan daftar ini dengan mencatatkan hanya butir-butir menurut tajuk-tajuk dalam daftar itu.



DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

INSTUN  
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

P.T.TM 252/6-30

Kuala Lumpur,  
Julai, 1976

## LAMPIRAN'A'

(AM 297)  
(Pin. 1/69)

No. Siri	No. Fail	Tarikh Permintaan	Nama Sifat dan tarikh matinya	Nama Peminta	Perintah yang dikeluarkan dan nilai harta pusaka	Tarikh Dikeluarkan Perintah	Bayaran (Cukai harta pusaka, bayaran pengeluaran perintah dan pendaftaran.)	Nombor Daftar penyerahan perintah	Hal-Hal Berkenaan Dengan Ulang Bicara Atau Permintaan Mengulang				Bayaran Berkaitan			Nombor Daftar Penyerahan Perintah tarikh	Lain-lain Hal
									Perkara	Banyak bayaran	No. Resit dan Tarikh	Nama Peminta	Tarikh dikeluarkan permintaan	Perintah dikeluarkan	Tarikh dikeluarkan perintah	Perkara	Banyak bayaran